

ATUR PERBELANJAAN ELAK BERHUTANG

Bergelar mahasiswa adalah waktu paling getir dan anda perlu bijak membelanjakan wang demi keperluan hidup di kampus.

Bagi yang dilahirkan dalam keluarga susah atau pertengahan, mereka perlu belajar membahagikan wang mengikut keperluan dan keutamaan.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Amalia Azri Azzaruddin, 24, (**gambar**) mengakui dia perlu merancang perbelanjaan sebaik mungkin kerana tidak mahu menyusahkan keluarga di kampung.

Anak sulung daripada tujuh beradik itu berkata, dia memang sudah diajar menabung sejak kecil selain mula bekerja selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Walaupun ada pelbagai kekangan untuk seorang pelajar berjimat, pada masa sama perlu bijak mengatur perbelanjaan agar tidak berhutang dengan mana-mana pihak.

Katanya, dia perlu mengawal nafsu berbelanja kerana mahu memenuhi hobinya yang gemarkan aktiviti mendaki.



“Saya mula bekerja selepas SPM. Sejak dari sekolah saya memang gemarkan aktiviti mendaki. Keluarga tidak menghalang minat saya namun mereka menyarankan saya mencari duit sendiri sekiranya mahu menjadikan itu sebagai aktiviti.

“Keluarga sentiasa mengingatkan saya untuk bijak menggunakan wang dan tidak berbelanja mengikut nafsu,” katanya yang pernah bekerja sebagai juruwang dan operator pengeluaran kilang di Perak.

TIP SIMPANAN AMALIA

1. Simpan rekod perbelanjaan. Setiap perbelanjaan akan direkodkan untuk melihat berapa banyak wang yang dibelanjakan pada setiap hari.

2. Tulis perbelanjaan setiap bulan. Buat selengkap mungkin dan masukkan juga pembelian kecil seperti makanan ringan, pen dan lain-lain.

3. Selepas merekodkan perbelanjaan, lihat kembali rekod perbelanjaan dan cuba mengurangkan mana-mana yang dirasakan tidak penting. Antara cara untuk

kurangkan perbelanjaan adalah memasak makanan sendiri.

4. Fikir keutamaan iaitu bergantung kepada berapa banyak belanja yang diperlukan. Beli barang yang diperlukan saja.

5. Pada hujung tahun, akan dikira jumlah penjimatan keseluruhan. Ini penting untuk melihat berapa banyak penjimatan boleh dilakukan setiap tahun. Ia akan menjadi dia lebih bermotivasi untuk menyimpan demi memenuhi impian menawan puncak Everest.

6. Cuba mencari kerja sampingan sekiranya ia tidak mengganggu jadual pelajaran ataupun bekerja sambil ketika cuti semester.